

Profil Keusahawanan Dikalangan Pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik)

Yusof Boon & Azizi Abdol Aziz
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti profil keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik). Aspek yang dikaji berkaitan ciri-ciri keusahawanan, kemahiran-kemahiran keusahawanan serta penglibatan pelajar dalam aktiviti yang berasaskan keusahawanan. Kajian ini adalah kajian deskriptif iaitu kajian kes dengan melibatkan seluruh populasi sebagai responden kajian (30 orang) . Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik dengan menggunakan Skala Likert. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji melalui kajian rintis terhadap tujuh orang pelajar dari pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam) dan lapan orang dari pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Jentera) . Nilai Alpha Cronbach bagi bahagian B adalah 0.911 dan C adalah 0.936. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS for Windows Version 12.0)*. Dapatan kajian menunjukkan (1) pelajar mempunyai ciri-ciri keusahawanan (2) pelajar juga mempunyai kemahiran dalam bidang keusahawanan (3) pelajar melibatkan diri dengan aktiviti yang berasaskan keusahawanan. Keseluruhan daripada persoalan kajian tersebut, mendapati para pelajar mempunyai profil sebagai seorang usahawan. Mereka mempunyai ciri serta kemahiran dalam bidang keusahawanan malah sudah pun mula berjinak-jinak dengan dunia keusahawanan.

Katakunci : profil keusahawanan, kejuruteraan elektrik

Pengenalan

Masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan adalah merupakan masyarakat yang terbaik. Ini adalah kerana usahawan merupakan individu yang paling dinamik, kreatif dan inovatif. Mereka bersedia untuk berhadapan dengan ketidakpastian melalui kreativiti dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan. Semangat ini telah menyebabkan mereka melihat hari esok dengan penuh peluang dan berkayakinan untuk merebut peluang berkenaan. Oleh itu usahawan perlu mencipta dan menceburi bidang baru bagi meningkatkan daya saing dengan memberi lebih banyak pilihan kepada masyarakat serta kesejahteraan mereka (Ab. Aziz, 2000).

Usahawan seringkali dikaitkan dengan individu yang menubuhkan perniagaan baru. Ada juga yang menganggap apa saja aktiviti kreatifiti yang dilaksanakan oleh seseorang dikenali sebagai usahawan. Disamping itu ada pula pandangan yang menyatakan bahawa usahawan ialah orang yang sentiasa bergerak, bijak mencari peluang baru sentiasa membawa perubahan dan modal, sumber dan usaha dalam keadaan yang baru dan lebih inovatif. Usahawan dikatakan tidak mempunyai banyak masa rehat, sentiasa berkemampuan menghadapi sebarang kemungkinan (Zaidatol, 1997).

Perkataan usahawan di Malaysia mula menjadi sebutan ramai pada 1970 iaitu setelah pengubahan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Walaupun begitu peraturan dan sifat keusahawanan yang dijalankan jauh berbeza berbanding dengan aktiviti yang dijalankan pada zaman awal ia diperkenalkan. Para usahawan di zaman awal hanya mengejar gaya penciptaan kekayaan (*modes of wealth creation*) dan pembangunan perindustrian. Pada zaman Rom purba terdapat tiga cara yang diterima untuk memperoleh "kekayaan" dan "kuasa". Cara-cara ini ialah:

1. Pemilikan tanah
2. Amalan peminjaman wang secara ribab
3. Pembayaran politik iaitu rasuah kepada pegawai

Pada pertengahan abad ke-20, usahawan telah dianggap sebagai agen yang membawa kepada perubahan kerana mereka melaksanakan penciptaan produk, proses atau sistem. Usahawan pada masa itu merupakan individu yang akan memualakan sesuatu yang baru dan diperkenalkannya kepada masyarakat (Ab. Aziz, 2000).

Keusahawanan pada abad ke-21 sudah semestinya lebih mencabar di mana teknologi akan bertambah canggih, persaingan akan menjadi lebih sengit dan tuntutan pekerja lebih kompleks. Para pekerja akan lebih mendesak sekiranya tuntutan mereka tidak dipenuhi oleh pihak usahawan.

Penyataan Masalah

Masalah pengangguran dikalangan graduan telah menjadikan kemajuan dan pembangunan negara terbantut. Ini kerana golongan graduan adalah golongan yang terpelajar dan mampu melakukan sesuatu perubahan yang positif. Oleh yang demikian pendedahan awal kepada keusahawanan perlu diberikan kepada para graduan supaya mereka dapat menyesuaikan diri sekiranya sukar untuk mendapatkan pekerjaan mengikut profesion masing-masing apabila tamat pengajian kelak. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana ciri keusahawanan, pengetahuan dalam keusahawanan dan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan semasa menuntut di universiti.

Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah :

1. Menenalpasti ciri pelajar dalam bidang keusahawanan
2. Menenalpasti kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan
3. Menenalpasti penglibatan pelajar dalam kegiatan berasaskan keusahawanan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi melihat sama ada para pelajar mempunyai profil keusahawanan seperti ciri keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan penglibatan dalam aktiviti berasaskan keusahawanan.

Dengan adanya kajian ini, ia boleh dijadikan satu garis panduan untuk pihak universiti bagi memastikan pelajar yang dihasilkan mempunyai profil keusahawanan. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu penyelidik dan pihak-pihak terbabit bagi meningkatkan ilmu keusahawanan dikalangan pelajar.

Maklumat dari kajian ini juga diharap dapat membantu meningkatkan lagi usaha pelajar dan pihak universiti untuk membangunkan budaya keusahawanan supaya ia menjadi amalan utama dan seterusnya melahirkan pelajar yang mampu bersaing dalam mendapatkan pekerjaan dan memulakan perniagaan sebagai alternatif lain jika sukar untuk mendapatkan pekerjaan.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu penggunaan set soal selidik yang diedarkan sendiri oleh penyelidik kepada para pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) Universiti Teknologi Malaysia. Kajian berbentuk deskriptif akan dapat memberikan gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping membantu untuk membuat perancangan pada masa akan datang (Wiersma, 1995). Penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd Najib, 1999). Ia juga merupakan kajian yang boleh meninjau terhadap sampel atau populasi. Oleh itu, pemilihan rekabentuk tersebut dalam kajian ini adalah

kerana kesesuaiannya untuk meninjau dan mengenalpasti profil keusahawanan dikalangan pelajar 4/SPE seperti sifat, kemahiran dan penglibatan mereka dalam dunia keusahawanan.

Populasi Kajian

Responden kajian ini adalah terdiri daripada 35 orang pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik). Jumlah pelajar yang mengambil kursus ini diperolehi daripada Pejabat Fakulti Pendidikan. Oleh kerana bilangan responden adalah kecil, adalah wajar jika keseluruhan populasi digunakan sebagai sampel kajian. Penggunaan keseluruhan populasi sebagai sampel juga dikenali sebagai kajian kes. Menurut Cates (1990), adalah lebih sesuai jika pemilihan sampel melibatkan jumlah sampel yang seberapa besar yang boleh. Ini adalah untuk mengatasi kesulitan statistik yang mungkin timbul dari penggunaan sampel yang kecil dalam mendapatkan penemuan yang bererti.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi empat item yang merangkumi soalan berkaitan latarbelakang responden iaitu jantina, umur, kaum dan kedudukan CPA. Maklumat ini adalah penting untuk kegunaan penyelidik membuat perkaitan dengan persoalan yang hendak dikaji mengikut keperluan tertentu. Responden dikehendaki membulatkan pada ruangan disediakan..

Bahagian B terdiri daripada 15 item yang mencakupi aspek yang hendak diukur iaitu aspek ciri, kemahiran dan penglibatan. Manakala bahagian C mempunyai 15 item yang mencakupi aspek kemahiran. Sementara itu bahagian D yang mencakupi aspek penglibatan mempunyai sembilan item. Taburan kandungan di dalam set soal selidik dapat ditunjukkan dengan jelas berdasarkan Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Taburan Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Bil. Item
A	Persoalan 1: Latarbelakang responden	4
B	Persoalan Kajian 1: Ciri	15
C	Persoalan kajian 2: Kemahiran	13
D	Persoalan kajian 3: Penglibatan	9

Untuk bahagian B, bagi setiap pernyataan, responden perlu menyatakan darjah persetujuan yang terdiri daripada pilihan jawapan “Amat Tidak Setuju”, “Tidak Setuju”, “Kurang Setuju”, “Setuju” dan “Amat Setuju”. Bagi setiap respon, cara pemarkatan ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.2 berikut:

Jadual 2: Cara Pemarkatan Aspek Ciri

Skor	Pilihan Jawapan
1	Amat Tidak Setuju (ATS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Amat Setuju (AS)

Jika tahap persetujuan responden adalah amat tidak setuju dengan kenyataan yang diberikan mereka sepatutnya membulatkan ruang jawapan pada skor 1. Sekiranya tahap persetujuan responden adalah amat setuju dengan kenyataan tersebut, maka ruang jawapan yang seharusnya dibulatkan adalah pada skor 5. Hanya satu skor sahaja yang boleh dibulatkan bagi setiap item.

Bagi aspek kemahiran, pilihan jawapan yang disediakan ialah “Amat Tidak Mahir”, “Tidak Mahir”, “Sederhana Mahir”, “Mahir” dan “Amat Mahir”. Responden dikehendaki menjawab dengan membulatkan skor pada ruang jawapan yang dikehendaki. Jadual 3.3 menunjukkan cara pemarkatan setiap jawapan.

Jika tahap kemahiran responden adalah amat tidak mahir dengan kenyataan yang diberikan mereka sepatutnya membulatkan ruang jawapan pada skor 1. Sekiranya tahap kemahiran responden adalah amat mahir dengan kenyataan tersebut, maka ruang jawapan yang seharusnya dibulatkan adalah pada skor 5. Hanya satu skor sahaja yang boleh dibulatkan bagi setiap item.

Bagi aspek penglibatan, pilihan jawapan yang disediakan ialah “Pernah” dan “Tidak Pernah” sahaja. Responden dikehendaki menjawab dengan menandakan (O) skor pada ruang jawapan yang dikehendaki. Jadual 3.4 menunjukkan cara pemarkatan setiap jawapan.

Jika tahap kemahiran responden adalah tidak pernah dengan kenyataan yang diberikan mereka sepatutnya membulatkan ruang jawapan pada skor 2. Sekiranya tahap kemahiran responden adalah pernah dengan kenyataan tersebut, maka ruang jawapan yang seharusnya dibulatkan adalah pada skor 1. Hanya satu skor sahaja yang boleh dibulatkan bagi setiap item.

Kajian Rintis

Pengukuran adalah penting dalam setiap penyelidikan. Persoalan yang sering dibangkitkan ialah sejauh mana sesuatu alat pengukuran itu boleh memberikan skor yang sama apabila beberapa kali digunakan ke atas subjek yang sama iaitu kebolehpercayaan alat dan adakah alat pengukuran itu mengukur apa yang harus diukur iaitu kesahan alat (Azizi, 1999). Selain itu, kajian rintis juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik untuk mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis (Mohd Najib, 2003).

Analisis Data

Bahagian ini mempunyai sembilan soalan berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang berasaskan bidang keusahawanan dari peringkat sekolah sehinggalah peringkat universiti seperti membuka gerai semasa pesta konvo, menyertai Program Usahawan Muda (PUM) di sekolah dan sebagainya yang berkaitan dengan keusahawanan.

Jadual 3 berkaitan dengan persoalan kajian kedua iaitu apakah pelajar membabitkan diri dengan sebarang aktiviti yang berasaskan keusahawanan.. Terdapat sembilan item soalan dan dianalisis mengikut taburan kekerapan dan min.

Berdasarkan Jadual 3, pernyataan item keempat mencatatkan skor paling tinggi di mana nilai min bagi item ini adalah 2.00. Item keempat “Berniaga ketika Pesta Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Padang Kawad” seramai 30 responden (100 peratus) pernah berniaga ketika Pesta Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Padang Kawad.

Item yang menunjukkan skor sederhana adalah item keenam dengan nilai min 1.7 iaitu “Menyertai program koperasi di sekolah saya ” seramai 21 responden (70 peratus) pernah manakala sembilan responden (30 peratus) tidak pernah menyertai program koperasi.

Item ke kelapan adalah item yang paling rendah nilai skornya di mana seramai lapan responden (26.7 peratus) pernah manakala 22 responden (73.3 peratus) tidak pernah menolong rakan berniaga di pasar malam dan min bagi item ini adalah 1.26.

Jadual 3 : Taburan Responden Mengikut Penglibatan Dalam Kegiatan Keusahawanan

No	Item	P		TP		Min
		Jum	%	Jum	%	
1	Penyertaan dalam Persatuan Usahawan Muda (PUM) di sekolah	12	40	18	60	1.4
2	Membantu keluarga/saudara bernaiga	24	80	6	20	1.8
3	Menyertai aktiviti keusahawanan di kolej kediaman	16	53.3	14	46.7	1.53
4	Bernaiga ketika Pesta Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Padang Kawad	30	100	0	0	2.00
5	Mengkaji pasaran sebelum memulakan perniagaan	26	86.7	4	13.3	1.87
6	Menyertai program koperasi di sekolah saya	21	70	9	30	1.7
7	Membantu guru membuka gerai pada hari sukan sekolah	24	80	6	20	1.8
8	Menolong rakan bernaiga di pasar malam	8	26.7	22	73.3	1.26
9	Menceburi bidang jualan langsung	13	43.3	17	56.7	1.43
Purata Min						1.64

Keseluruhan responden memberi peratusan purata bagi soalan kajian ini adalah 64.6 peratus pernah dan 35.4 peratus tidak pernah membabitkan diri dalam aktiviti yang melibatkan keusahawanan. Manakala nilai purata bagi min pula adalah 1.64. Ini menunjukkan para pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan.

Perbincangan

Melalui kajian yang dijalankan juga didapati pelajar 4/SPE antara 60 peratus hingga 65 peratus memiliki kemahiran keusahawanan. Antara kemahiran-kemahiran utama yang dimiliki oleh pelajar adalah menggunakan kaedah *brainstroming* semasa melakukan perbincangan, penggunaan asas matematik, mengenalpasti masalah, merancang sesuatu dengan baik, berkomunikasi dengan semua orang, menguruskan masa dengan baik dan mengendalikan sesebuah organisasi. Manakala 10 peratus hingga 25 peratus pelajar separuh mahir serta tidak mahir dalam kemahiran-kemahiran dalam keusahawanan. Antara kemahiran-kemahiran tersebut adalah menyusun strategi dalam perniagaan, mengenalpasti pasaran terkini, menggunakan kemahiran simpan kira dan menggunakan aliran masuk keewangan.

Ini disokong oleh Shapero (1975), antara kemahiran perniagaan yang diperlukan oleh seorang usahawan ialah (1) kemahiran mengatur strategi (2) kemahiran merancang (3) kemahiran pemasaran (4) kemahiran menguruskan keewangan (5) kemahiran menguruskan projek dan (5) kemahiran menguruskan masa.

Hasil daripada kemahiran yang dimiliki ini mempengaruhi kecenderungan mereka terhadap bidang keusahawanan. Ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Henderson dan Robertson (1999), yang mendapati bahawa kemahiran merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kecenderungan seseorang terhadap bidang keusahawanan. Hasil ini dikuatkan lagi dengan kajian

yang dijalan oleh Fletcher (1999), bahawa salah satu perkara yang paling penting dalam perniagaan adalah membina peribadi dan kemahiran pengurusan seperti komunikasi, perundingan dan sebagainya.

Disamping itu, pelajar sedar kemahiran berniaga adalah penting untuk berjaya dalam perniagaan. Ini selari dengan teori oleh Widad (1995) yang menyatakan bahawa perusahaan percaya kemahiran berniaga dan pengetahuan mengenainya adalah penting dalam menjalankan perniagaan. Selain itu, adalah wajar setiap pelajar didedahkan dengan kemahiran keusahawanan untuk menyuburkan lagi minat mereka dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Skor bagi item yang keempat telah menyatakan semua pelajar (100%) berniaga ketika Pesta Konvokesyen UTM. Hampir kesemua pelajar berniaga pada masa itu telah menjalani latihan berniaga semasa mengambil salah satu subjek teras program iaitu Perdagangan dan Keusahawanan (SPE 3002). Ini menunjukkan melalui pendidikan formal juga dapat membentuk serta dapat mengalakkan para pelajar menyertai aktiviti berasaskan keusahawanan kerana pendidikan formal keusahawanan lazimnya adalah pendidikan tentang sikap, sifat, ciri, kemahiran dan pengetahuan tentang keusahawanan. Disamping itu, memiliki ilmu pengetahuan mengenai keusahawanan merupakan satu aset dalam diri seseorang untuk menambahkan minatnya dalam sesuatu bidang perniagaan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Rahinah (1997), iaitu didapati bahawa pengetahuan yang memuaskan mempengaruhi kecenderungan seseorang individu untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Selain itu juga, Osman (1995) yang menyatakan bahawa untuk maju dalam perniagaan seseorang bukan sahaja memerlukan pengalaman tetapi juga pengetahuan yang mendalam dalam bidang keusahawanan.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Mohd Anuar Abd Rahman dan Abd Rahim Hamdan (1999). *“Satu Penilaian Terhadap Pelaksanaan Program Kemahiran Hidup di Sekolah-Sekolah Menengah Malaysia.”* Universiti Teknologi Malaysia: Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- Bristow, C., James, C.A (1990) *“Entrepreneurship Education : The Way Forward For Vocational Education.”* Illinois School Journal.70(1).p 45-53
- Cates, W.M. (1990). *“Panduan Amali Untuk Penyelidikan.”* (Syaharom Abdullah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dyer W .Gibb, Jr (1992). *“The Entrepreneurial Experience: Confronting Career Dilemmas Of The Start-Up Executive.”* San Francisco: Jossey-Bass Publisher.
- Fullan, M. (1991). *“The New Meaning of Educational Change.”* 2nd ed. London: Cassell
- Joseph Schumpeter (1952). *“Can Capitalism Survive?”* (New York : Harper and Rowe)
- Kurato D.F., dan Hodgetts, R.M(1995). *“Entrepreneurship-a Contemporary Approach.”* 6th ed., The Dryden Press : A Harcourt Brace Jovanovich College Publisher
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *“Penyelidikan Pendidikan.”* Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). *“Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows.”* Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Noridah Md Attan (1996) *“Motivasi Usahawan.”* Seminar Kesedaran Mahasiswa Usahawan. Kelab Usahawan Kolej Kelima : Universiti Pertanian Malaysia.
- Othman Mohammed (1990). *“Cara Menulis Kertas Akademik Untuk Program Bachelo Pendidikan Bimbingan Dan Kaunseling.”* Fakulti Pendidikan : Universiti Putra Malaysia.
- Pusat Pembangunan Keusahawanan Malaysia (MEDEC)(1998). Keusahawanan Edisi ke-2. Selangor.
- Radzali Hassan (1991). *“Kertas Kerja : Sikap Dan Sifat-Sifat Yang Diperlukan Dalam Pembangunan Usahawan. Seminar Daya Penggerak Ke Arah Keusahawanan Berkualiti.”* Kuala Lumpur : Kementerian Perusahaan Utama.